

SASTERA JENAKA: YANG PARODI DAN YANG ASLI

RAHMAN SHAARI

ABSTRACT

One of the many kinds of literary materials is comedy. This article is about comedy in Malay literature. Comedy is created in prose and poetry forms. In traditional Malay literature we may find the story about Pak Pandir, Pak Kaduk and many more. We may also find “pantun” and “seloka” with the theme of comedy. In modern Malay literature we may find several comedy novel, short stories, drama scripts and poems. Those are either original or parody. The original works are the works that are written by the authors from their own creativity, while the works of parody are the REWRITING or RETELLING of the original works. Parody means manipulation of works to make them satirical and humorous.

PENGENALAN

Penciptaan cerita dan puisi jenaka bukanlah kerja atau kegiatan yang mudah. Dalam percakapan, kejenakaan sering timbul secara spontan mengikut keadaan, tetapi dalam penciptaan karya, kejenakaan terhasil melalui proses pemikiran. Tanpa pemikiran yang terjurus, karya yang dimaksudkan tidak akan menuju ke arah kelucuan. Dengan kata lain, kebijaksanaan adalah dituntut untuk sesiapa yang mahu menghasilkan cerita atau puisi jenaka.

Dalam pembicaraan drama, komedi diletakkan di bawah tragedi. Dalam *Literary Terms* susunan Karl Beckson dan Arthur Ganz (1972: 30), *comedy* bermaksud “*Any literary work, but especially a play, less exalted and less serious than tragedy, commonly having a happy ending.*” Pandangan begini kedapatan di sana sini diulang-ulang. Misalnya Richard Courtney (1991: 6) menyatakan “komedi adalah lebih rendah dan tragedi lebih tinggi daripada kehidupan yang sebenarnya.” Namun, Courtney (1991: 12) telah memetik pandangan Nicholas Udall yang memuji komedi dalam hal-hal tertentu. Udall menyatakan “Kelucuan boleh melanjutkan usia dan menyihatkan badan. Kelucuan memulihkan semangat dan menyingkirkan kemurungan, kelucuan meningkatkan kemesraan, tanpa mengganggu kekayaan kita... .”

Ternyata, kejenakaan mempunyai peranan dalam kehidupan. Dan, tentu dimaklumi kita semua, bahawa sesuatu yang berguna tidak dapat diadakan dengan mudah. Jenaka spontan yang terbit melalui perbualan biasa (perbualan harian) selalunya situasional, iaitu hanya menggelikan hati ahli kumpulan yang berkenaan sahaja. Jenaka yang tiba ke tingkat karya sastra mestilah berupaya menimbulkan kesukaan pelbagai pihak. Walau bagaimanapun, sesetengah jenaka situasional boleh dinaikkan tarafnya menjadi jenaka pemikiran.

Barangkali, oleh sebab dipengaruhi pandangan bahawa komedi lebih rendah daripada tragedi, maka selalunya apabila seseorang memikirkan karya sastera, yang tergambar dalam fikirannya ialah karya yang serius, iaitu yang mempunyai makna yang mendalam, dan menekankan nasib malang manusia. Sastera yang memuatkan nasib baik atau bertuah ialah sastera remaja dan sastera kanak-kanak. Bahasa karya sastera, terutama cabang puisi, dibayangkan puitis dengan pemilihan kata yang “menggetarkan kalbu”. Oleh itu, jika muncul karya sebaliknya, yang antipuitisme, maka cepat-cepat sesetengah pembaca melatah, menyatakan bahawa karya itu sudah mencemarkan sastera.

YANG JENAKA DAN YANG DIJENAKAKAN DARIPADA CERITA LAMA

Cerita jenaka selalunya tidak indah, tetapi mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Dalam *Sejarah Melayu*, historiografi Melayu yang agung, terdapat beberapa jenaka spontan yang tampaknya tidak dinaikkan ke tingkat seni dan pemikiran. Namun, oleh sebab *Sejarah Melayu* secara keseluruhannya hebat, maka bahagian jenaka spontan itu pun turut diterima baik oleh khalayak. Inilah petikan tiga daripada bahagian-bahagian itu:

1. Adapun akan Hang Isap itu berniaga dengan seorang Saiyid, hamba Allah. Pada kira-kira Saiyid itu, ada emasnya sedikit lagi pada Hang Isap. Hang Isap berkata “Tiada”. Maka berbantahlah Saiyid itu dengan Hang Isap. Maka kata hang Isap, “Wali apa ini gerangan, yang menuduh orang tiada sebenarnya ini. Wali pelir gerangan namanya.” Maka kata Saiyid tu, “Hai Isap. Aku hamba Allah engkau namai buah pelir. Adapun engkau kembali ini kharablah” (A. Samad Ahmad 200: 219).
2. Maka kata Makhdum Sadar Jahan, “Apa sukar bahasa Melayu ini, maka tiada tersebut olehku?” Maka kata Tun Mai Ulat Bulu, “Sebutlah oleh tuan ‘kunyit’”. Maka disebut oleh makhdum katanya “kuzit”; maka kata Tun Mai Ulat Bulu, “Salah itu, ‘kunyit’; maka disebut pula “nyiru”, maka kata Makhdum “niru”. Maka kata Tun Mai Ulat Bulu, sambil hendak ketawa, “Kucing pula, sebut tuan”; maka disebut oleh Makhdum, katanya “Kusyir”. Maka Tun Mai Ulat Bulu pun tertawa, katanya, Manatah tuan hamba dapat menyebut bahasa kami? Demikian lagi kami mengikut bahasa tuan.” Maka Makhdum Sadar Jahan pun terlalu marah akan Tun Mai Ulat Bulu, katanya “Taubatlah kita mengajar dia ini lagi.” (A. Samad Ahmad 200: 247)
3. Seri Nara Diraja yang sudah tua hendak berkahwin dengan Tun Kudu yang masih muda. Apabila dia diperolok-olok oleh orang yang menganggapnya tidak berupaya melayani isteri muda, dia berkata, “Di mana kamu sekalian tahu? Jikalau demikian sia-sialah cula dibeli oleh bapaku sekati emas di benua Keling itu.” (Shellabear 1991. Dalam versi A. Samad Ahmad, perkataan ‘cula’ tidak didapatkan.)

Tahap kejenakaan bahagian-bahagian di atas terserah kepada khalayak. Saya beranggapan, setiap satu episod yang dikemukakan itu akan diterima sebagai episod jenaka melalui cara pembacaan, dan juga kecenderungan pembaca. Episod yang pertama itu mungkin dianggap lucu oleh sebahagian khalayak, tetapi sesiapa yang terbiasa bertutur begitu, lebih-lebih lagi yang terbiasa dengan sebutan “PM (sering ditulis “P***Mak” dalam *Shit* karya Shahnnon Ahmad), kata-kata Hang Isap itu masih biasa. Itu ialah bahasa sarkastik cara Hang Isap, bahasa yang terpaksa

menunggu ratusan tahun kemudian untuk dijodohkan dengan cara Shahnon. [Catatan: Bagi saya *Shit* ialah novel jenaka.]

Episod-episod daripada *Sejarah Melayu* yang diturunkan di atas masih belum diparodikan oleh mana-mana sasterawan moden. Daripada *Sejarah Melayu*, watak yang diparodikan oleh beberapa orang pengarang ialah Puteri Gunung Ledang. Dalam cerpen “Puteri” karya Othman Puteh (terdapat dalam buku *Jeneral*), puteri tersebut memandu kereta di dalam negeri Melaka. Pertemuannya dengan Sultan Melaka membangkitkan percakapan tentang jambatan emas dan perak yang diminta dahulu. Dalam perbualan itu ada disebutkan, kalaulah jambatan itu dibina dahulu, tentu kini ia memiliki nilai sejarah, tetapi ada juga kesan sebaliknya, iaitu jambatan itu akan menarik penjajah datang lebih awal.

Cerpen Othman Puteh bukan cerpen jenaka. Dia menulis karya parodi itu untuk maksud mengemukakan idea tertentu tentang kemajuan negeri (negara?) dan kesannya. Lain halnya dengan karya Shahnon Ahmad yang bertajuk “Wan Empok Kakak Wan Malini”, yang apabila diperincikan akan didapati isinya lucu. Shahnon mengetepikan isi asal *Sejarah Melayu*, lalu bercerita bahawa anak raja tiga beradik yang datang ke Bukit Seguntang (hitam legam kesemuanya) telah meniduri gadis-gadis di kawasan itu (*Berita Minggu*, 7 Jun 1992). Dalam kupasan itu, saya menekankan makna karya, tanpa menekankan Shahnon berjenaka bagi menyampaikan mesejnya. Shahnon memparodikan kisah daripada *Sejarah Melayu* ini sekali lagi, tersiar dalam *Dewan Sastera* September 1992, dan saya mengupasnya juga (*Berita Harian*, 11 Oktober 1992).

Elok saya nyatakan pengalaman saya menonton sebuah drama karya dan arahan Hatta Azad Khan yang bertajuk *Puteri Gunung Ledang* beberapa tahun sebelum itu. Saya tidak dapat mengingati isi karya itu sepenuhnya, tetapi terdapat bahagian jenaka yang berupa parodi daripada kehendak Puteri Gunung Ledang. Salah seorang daripada pembesar istana Melaka mencadangkan agar darah raja dan darah anak raja yang dipinta oleh puteri hantu itu. “Puteri itu tak akan tahu,” kata orang besar istana. Penonton ketawa mendengar cadangan itu, tetapi sultan tidak menyetuainya kerana sasaran itu menghina darahnya!

Daripada cerita rakyat, terdapat beberapa episod yang dijenakakan oleh pengarang kita. Kisah buaya yang tidak membalas budi, bahkan yang mahu melakukan kekejaman kepada kerbau yang menolongnya, diparodikan oleh Ismail Kassin dalam drama *Pelayaran Inderaputera 11*. Dalam drama itu terdapat perbualan antara Ujang, Pawang Laut, Cik Puan, dan Maharajalela. Perbualan ini menimbulkan gelak ketawa ketika dipentaskan dalam tahun 1979. Yang penting, bukanlah gelak ketawa itu, tetapi mesejnya. Sila perhatikan dialog mereka.

- Ujang : (Berlagak untuk mengalihkan perhatian ramai)
Nanti dulu datuk!...berilah hamba peluang bercerita, apa yang telah diceritakan oleh datuk kepada ayah, lalu ayah bercerita kepada hamba, tentang Sang Rangkak dan Sang Kerbau!... Sang Rangkak yang sedang berjemur di tebing sungai lalu ditimpa oleh sebatang kayu!...sehingga kalau tidak kerana pertolongan dari Sang Kerbau, maka matilah Sang Rangkak itu menanggung beban!...tetapi kaki Sang Kerbau telah ditangkap oleh Sang Rangkak, konon itu adalah rezekinya!...hamba cuma ingin bertanya apakah wajar Sang Kerbau itu menjadi rezeki Sang Rangkak?
- Pawang Laut : Kalaulah hamba Sang Kerbau, masakan hamba akan menolong buaya itu, bukankah sejak purbakala lagi Sang Rangkak itu musuh sejati?

- Cik Puan : Kalaulah hamba Sang Rangkak, masakan hamba lepaskan begitu saja! Kan itu sudah ditetapkan menjadi rezeki hamba!
- Maharajalela (Marah): Tetapi apakah hubungan cerita kamu itu dengan percabaran kita ini?
- Ujang : Hubungannya ada!... tetapi apa pendapat datuk sendiri dalam hal ini?
- Maharajalela : Sudah tentu akan kutanduk saja Sang Rangkak itu! Kerana aku tahu dia adalah musuhku!
- Ujang : Ketiga-tiga pendapat itu memang bijak!!!... Namun masih lagi kebijaksanaan seekor binatang!! Sama ada kerbau atau buaya. Tidak ada satu pun daripada pendapat-pendapat tadi datangnya dari seorang manusia!
- Pawang Laut : Cis! Kau mempermain-mainkan kami rupanya!... Jangan membuang masa lagi datuk! Jatuhkanlah hukuman segera!

Pengarang tidak mementingkan kisah lembu dianiayai buaya, atau tentang kekejaman buaya, tetapi menekankan sifat dan fikiran kebinatangan yang dipertentangkan dengan sifat dan fikiran kemanusiaan. Hal. ini tidak diperpanjang, kerana pengarang menghendaki kesan jenaka tidak berkurangan. Perlu ditegaskan, kesan jenaka akan bersurutan jika kupasan diberikan terhadap sesuatu pertuturan jenaka.

Yang jelas, cerita di atas ialah satu ciptaan parodi. Kisah asalnya diketahui ramai. Sebenarnya parodi memang begitu. Jika sesebuah karya diubah atau dilanjutkan daripada cerita yang tidak terkenal, kebanyakan khalayak tidak terhibur, kerana tidak merasai kaitannya.

Telah dibayangkan pada awal kertas ini, bahawa agak banyak karya parodi yang dihasilkan berdasarkan *Hikayat Hang Tuah* dan *Sejarah Melayu*. Hal. ini menjadi demikian kerana beberapa episod dalam karya agung itu mempunyai potensi dan ruang untuk dikembangkan, atau dialih ke sana sini. Penulis sendiri telah menghasilkan skrip drama yang berjudul “Dosa Demang”, yang tersiar dalam majalah *Devan Sastera*, dan juga pernah dipentaskan pada 24 Mei 1993. Ku Seman Ku Hussein telah membicarakan pementasan tersebut dalam *Utusan Malaysia*, 7 Jun 1993. Terbitnya idea untuk menulis karya itu ialah apabila penulis merasakan waadat antara Demang Lebar Daun dengan Sang Sapurba adalah jauh daripada keadilan. Mengikut waadat itu, jika anak cucu pihak rakyat berdosa besar, boleh dibunuh tetapi jika pihak raja berbuat jahat rakyat tetap dikehendaki jangan derhaka (A. Samad Ahmad 2000: 25).

“Dosa Demang” ialah karya jenaka, ditulis dan dipentaskan untuk maksud memberikan komentar terhadap perkara di atas. Kejenakaan ini tentu amat berbeza jika dibandingkan dengan kejenakaan seks dan sadis yang dilukiskan oleh Anwar Ridhwan dalam karyanya “Hering”. Dalam “Hering”, Anwar melukiskan gambaran politikus muda yang mati, tetapi masih mahu melakukan hubungan seks. Untuk menyelesaikan masalah ini, wirawati berolok-olok mahu melayani kehendaknya, tetapi yang dilakukannya ialah memotong kemaluan lelaki itu (Anwar Ridhwan 2001: 172).

PARODI DARIPADA PUISI

Peribahasa Inggeris menyebutkan “*in the country of the blind one eyed man is king.*” Daripada *old saying* atau *adage* itu, H.G. Wells menghasilkan cerpen yang bertajuk “The Country of the Blind”. Dalam cerpen itu, seorang lelaki bermata satu telah berjalan ke kampung yang semua

penghuninya buta. Dia ingin menjadi ketua kepada penghuni kampung itu kerana dia percaya kepada peribahasa berkenaan.

Si mata satu itu tidak mencapai impiannya, sebaliknya dia ditangkap oleh penghuni kampung yang buta. Dia dipenjarakan. Berkatalah si mata satu, “Masa untuk aku akan tiba juga.”

“Kau akan belajar,” si buta menjawab. “Terlalu banyak perkara yang perlu kaupelajari di dunia ini.”

“Tiadakah seseorang memberitahumu bahawa dalam negeri orang buta orang bermata satu ialah raja?” tanya si mata satu.

“Buta itu apa?” Si buta bertanya balas... .

Petikan di atas menarik kerana “amat bermakna”. Jika kita memikirkan peribahasa kita yang membawa makna yang sama, iaitu “Jika tiada helang kata belalang akulah helang”, dapatkah kita mencipta karya yang sehebat karya Wells?

Usman Awang ada menulis sebuah sajak naratif berasaskan peribahasa “ketam mengajar anaknya berjalan betul.” Bagi Usman, perbandingan itu tidak betul kerana ketam tidak berbuat apa-apa yang salah bagi kumpulannya. Menurut pemerhatian Usman (dan pemerhatian kita semua), manusialah yang selalu melanggar peraturan. Kata Usman, “Sebaliknya bangsa Ketam pulalah yang merasa hairan dan takjub melihat manusia... .”

Sajak parodi oleh Usman ini memang menimbulkan makna yang segar, dan kita senang mendengarnya. Sindirannya lebih berkesan berbanding sindiran asal, iaitu sindiran yang terkandung dalam peribahasa. Dalam keadaan begini, kita terdorong untuk menimbangankan anggapan sesetengah orang terhadap parodi. Ada yang menganggap parodi merosakkan karya asal, malah ada yang menganggap parodi itu *playgiarisme* (penekanan terhadap “*play*”). Namun, seperti yang terlihat dalam karya Wells, penciptaan karya parodi merupakan kegiatan universal.

Selain yang di atas, Usman Awang ada menulis rangkap-rangkap pantun yang berupa ejekan. Rangkaian pantun ini bertolak daripada pembayang yang sedia ada. Ini ialah rangkap-rangkap asalnya:

Apa guna kepuk di ladang,
Kalau tidak berisi padi;
Apa guna berambut panjang,
Kalau tidak berani mati.

Kiri jalan kanan pun jalan,
Di tengah-tengah pohon mengkudu;
Dikirim jangan dipesan pun jangan,
Sama-sama menanggung rindu.

Timang tinggi-tinggi,
Sampai cucur atap;
Belum tumbuh gigi,
Sudah baca kitab.

Setelah diubah atau dicipta semula oleh Usman Awang, inilah bunyinya:

Apa guna kepek di ladang,
 Kalau tidak berisi padi;
 Apa guna hidup membujang,
 Tidur malam syok sendiri.

Kiri jalan kanan pun jalan,
 Di tengah-tengah pohon mengkudu;
 Kirim jangan pesan pun jangan,
 Sama-sama kepala batu.

Timang tinggi-tinggi,
 Sampai cucur atap;
 Bila besar nanti,
 Duduk dalam lokap.

Affrini Adham pernah menyatakan bahawa pengubahan demikian merosakkan karya tradisi yang dihormati selama ini. Di samping anggapan demikian, seperti yang dicatatkan oleh Siti Hawa Salleh, ada pula pendapat yang menyatakan parodi itu peniruan dan pemalsuan karya (*forgery*). Saya menyetujui pandangan Siti Hawa bahawa parodi tidak akan dapat merosakkan karya asal kerana karya asal itu sudah pun agung dan mempunyai tempatnya yang tersendiri.

Hashim Yaakob ada menulis sajak yang bertajuk “Bicara tentang ‘Tuah dan Jebat’”. Karya Hashim ini agak lucu kerana dia menafikan jiwa Jebat yang sesekali berkobar-kobar di sana sini: “*Usahlah Tuah kalian kutuk/ kalau kalian sepertinya mengikut telunjuk*”. Seterusnya dikatakan, “*Usah berpura menyanjung Jebat/ kalau yang kalian ucap bukan yang terbuat*.”

Kejenakaan di atas ialah kejenakaan tinggi, dan kita tersenyum kerana manusia yang bersikap seperti yang digambarkan itu berada di sekeliling kita. ‘Tuah dan Jebat’ dipilih sebagai citra unggul bagi menyampaikan “pukulan” itu.

JENAKA ASLI

Jenaka asli ialah jenaka yang seratus peratus baharu, dicipta oleh pengarang dengan kreativiti dan kebijaksanaannya. Apabila disebut jenaka asli, yang dimaksudkan ialah jenaka yang dicipta dalam zaman moden, bukan zaman silam. Disimpulkan demikian kerana jenaka parodi ialah jenaka moden yang berasaskan karya silam.

Agak silu untuk disebutkan bahawa sejumlah jenaka asli dalam kesusasteraan kita berasaskan pelepasan. Orang kuat perkara ini ialah Shahnnon Ahmad yang telah mencapai kemenangan (Hadiah Utama Hadiah Sastera Utusan-Public Bank 1993) dalam genre cerpen melalui cerpennya “Kentut”. Dalam ulasan panel, “Cerpen “Kentut” dikemukakan secara penuh humor, dan pelukisannya cukup terperinci sehingga bisa membuat pembaca tidak kering gusi ketika membacanya. Sesungguhnya menulis sebuah cerpen untuk membuat orang ketawa jauh lebih susah dan sulit daripada menulis cerita supaya orang menangis (*Sungai Kasih*: 5).

Saya sependapat dengan panel dari segi ideanya, tetapi tidak sependapat dari segi contohnya. Walau bagaimanapun, di sini ingin saya tegaskan bahawa ada kecenderungan yang kuat untuk Shahnnon berjenaka secara sedemikian. Novel *Shit* yang heboh dikatakan tebal dengan kecaman politik, sebenarnya hanyalah lanjutan daripada “Kentut”. Dapat dirasakan bahawa Shahnnon agak lama mahu mencipta karya yang memuatkan hal.-ehwal pelepasan sedemikian, dan keadaan politik ketika itu telah membuka peluang untuk dia menunaikan hajatnya. Dengan

tegas, ingin saya katakan bahawa novel *Shit* menekankan hal.-ehwal *shit* yang dipersonifikasikan, bukan menekankan hal.-ehwal politik. Hal. pu**mak yang kerap disebut-sebut dalam novel itu samalah dengan sebutan “p” dalam *Sejarah Melayu*.

Shannon tidak keserangan dalam melukiskan pelepasan. Dalam novel *Empangan* karya Zakaria Ali (1996: 31), terdapat adegan pemandu teksi memandu laju. Apabila ditanya oleh watak J, pemandu itu menjawab, “*Have to go to the rest room.*”

Itu tidak mencukupi. Di halaman lain, J memasuki *lounge* yang bernama “The Green Pasture”. Di dalamnya dia berpura-pura menunggu dilayani oleh pelayan. “Tak ada seorang pun datang melayan. Ini memberi J peluang; dia buka seluar dan terus melepas. Seketul, dua, tiga di atas permaidani hijau menyerupai rumput. Dia kesat punggungnya dengan kertas, buang ke dalam bakul sampah.” (Zakaria Ali 1996: 33)

Perbuatan J diiktiraf sendiri oleh Zakaria Ali sebagai perlambangan. Menurutnya, yang buruk-buruk di Amerika perlu ditinggalkan di Amerika, jangan dibawa pulang ke Malaysia. Caranya? Berak di atas permaidani hijau di Amerika.

Ada beberapa pengarang lain yang menyebut pelepasan dalam karya-karya mereka. Yang terbaru ialah karya lucu Othman Puteh yang tersiar dalam *Dewan Sastera* keluaran Jun 2003. Sebagai perbandingan, di luar Malaysia terdapat cerpen yang bertajuk “Luang Pho Mae dengan Nombor Ekor” karya Samrung Khampa Ud. Cerpen yang termuat dalam buku *Cerpen-cerpen dari Thailand* susunan Rattiya Saleh ini membawa tema kemiskinan dan harapan penghuni kampung semoga nombor ekor dapat menyelesaikan hidup mereka. Di sinilah kentut menjadi penting kerana bunyinya menandakan nombor.

Di luar perkara ini, antara cerpen lucu yang tidak mengangkat karya lama, saya menyenangi “Penyair Unta” karya Mohd Affandi Hassan. Jarang-jarang orang melihat Mohd Affandi sebagai penulis cerita jenaka kerana dia sering serius menghadapi hal.-hal. persuratan dan kebudayaan. Bahkan, baru-baru ini dia mengisytiharkan bahawa kedudukan persuratan jauh mengatasi kesusasteraan. Walau bagaimanapun, karyanya yang berupa cerpen ada yang dapat ditinjau dari sudut sastera biasa. Mungkin dia menganggap karya begini tidak boleh dikaitkan dengan persuratan kerana ditulisnya lama dahulu, iaitu ketika gagasan persuratan belum difikirkannya.

“Penyair Unta” berkisah tentang Burhan yang memohon kerja sebagai editor majalah. Dia menunjukkan bakatnya dalam lapangan sastera, terutama persajakan kepada lembaga temu duga. Pengarang bersikap sinis terhadap watak Burhan yang menunjukkan kelebihan secara yang tidak sepatutnya. Setelah bercakap banyak tentang kelebihan Burhan, pengerusi lembaga temu duga memberitahu bahawa pihaknya akan menerbitkan majalah untuk bacaan kanak-kanak, jadi bakat yang terlalu besar tidak diperlukan!

Selain karya Mohd Affandi, karya Abdullah Hussain yang bertajuk “Baboon” juga menimbulkan nilai jenaka yang tinggi. Seperti dalam “Penyair Unta”, “Baboon” melukiskan watak utamanya sebagai pencari kerja. Protagonis mendapat pekerjaan di syarikat sarkas sebagai baboon palsu, menggantikan baboon yang sudah mati. Ketika dia membuat pertunjukan, iaitu melompat ke sana sini, dia terjatuh ke kandang harimau. Dia pun bising ketakutan, tetapi harimau tidak berbuat apa-apa kepadanya kecuali bersuara memujuknya kerana harimau itu juga ialah manusia yang menyamar seperti baboon itu. Cerpen ini membawa tema kepura-puraan tetapi tema itu mungkin hilang daripada ingatan kita kerana kita teringatkan kelucuannya.

PUISI LUCU

Tidak banyak puisi moden yang ditulis untuk maksud jenaka. Kita dapati penyair yang agak bising dalam kehidupan harian pun menghasilkan sajak yang mendesak “dahi pembaca berkerut” memikirkan makna yang terpendam di lapis-lapis bawah. Besar kemungkinan sejumlah penyair bertanding untuk mencapai kedudukan “penyair paling serius”. Mereka kebanyakannya mengabaikan hakikat bahawa dalam kesusasteraan Melayu terdapat sejumlah puisi lucu.

Berbicara tentang sajak lucu, saya awal-awal lagi teringatkan sajak “Pencuri” karya T. Alias Taib. Apakah yang menyebabkan sajak ini dianggap lucu? Saya kemukakan sepenuhnya.

PENCURI

kerana sehelai seluar dalam
 seorang perawan ditahan
 di pintu keluar Yaohan
 kaudorongku mengambilnya, tuduh tangan
 aku hanya organ perasaan, balas hati
 kau punca segala-gala marah hati pada kaki
 kaugerakku ke sana, tepis kaki
 ini angkaramu, marah hati pada mata
 aku hanya melihat, jawab mata
 lantas? Tanya hati
 kauberiku nafsu, kata mata
 tangan, mata dan kaki memutuskan
 hati perlu dihukum

di pintu keluar Yaohan
 berdiri seorang perawan
 tanpa hati dan seluar dalam.

Saya menganggap sajak ini bukan sekadar tentang pencuri, dan bukan sekadar tentang seluar dalam. Makna daripada gambaran fizikal memang melucukan kerana antara banyak barang yang boleh dicuri, si perawan mencuri seluar dalam.

Di Negeri Sembilan, terdapat seorang penyair yang bernama Zulkifli Abu. Penulis ini tidak prolific tetapi daripadanya kita memperoleh sebuah sajak yang berjudul “Lupa”. Ketika menulis kertas ini saya tidak dapat menemukan sajaknya itu tetapi masih saya ingati isinya.

“Lupa” berbicara tentang bagus lupa! Seorang guru tidak akan dapat menasihati muridnya jika dia ingat bahawa dia dulu sama seperti muridnya itu. Mujurlah dia lupa! Seorang wakil rakyat akan bersusah hati jika dia ingat akan janji-janji semasa kempen pilihan raya. Mujurlah dia lupa! Demikianlah kira-kiranya isi sajak Zulkifli Abu.

PENUTUP

Saya telah agak lama berpandangan bahawa karya jenaka adalah penting. Ketika menulis sajak-sajak “Gadis dengan Bulu Ayam”, “Kintalo dengan Telur Emas”, “Harimau Luka”, “Resah Cincin” dan juga ketika menulis cerpen “Dorongan” (*Devan Sastera*, Jun 2003) saya terikat dengan hasrat untuk berjenaka. Saya sedar bahawa karya sastera perlu memuatkan sesuatu yang besar, tetapi saya kira kaedah jenaka boleh digunakan untuk memuatkan isi atau pesanan yang besar itu.

RUJUKAN

- A. Samad Ahmad (peny.). 2000. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Cet. Ke-8 Edisi Pelajar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Ridhwan. 2001. *Naratif Ogonsboto*. Kuala Lumpur: Matahari Infocomtec.
- Beckson, K. dan Ganz, A. 1972. *Literary Terms*. New York: The Noonday Press.
- Courtney, R. 1991. *Lakon, Drama dan Pemikiran*. Terj. Rahmah Bujang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Yaacob. 2003. *Aku Hanya Mahu ke Seberang*. Kuala Lumpur: Pekan Ilmu Publications.
- Mohd Affandi Hassan. 1976. *Le Masque*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman *et al.* 1994. *Sungai Kasih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Shellabar, W. G. (ed.). 1991. *Sejarah Melayu*. Cet. 25. Petaling Jaya: Penerbit fajar Bakti Sdn. Bhd.
- T. Alias Taib. 1990. *Piramid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria Ali. 1996. *Empangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.